

26 JUL 2001

Merdeka-Perlumbaan

SIC SASAR 40,000 PENONTON SAKSI MERDEKA MILLENNIUM ENDURANCE

SEREMBAN, 26 Julai (Bernama) -- Penganjur Merdeka Millennium Endurance 2001, Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) mensasarkan seramai 40,000 orang datang menyaksikan acara itu di Litar Antarabangsa Sepang pada 30 dan 31 Ogos sempena sambutan Hari Kemerdekaan.

Pegawai Media SIC Azhar Ghazali berkata tahun lepas -- kali pertama acara itu diadakan -- hanya seramai 25,000 penonton datang menyaksikan acara itu.

"Dengan kempen yang agresif kali ini, saya percaya sasaran itu tidak mustahil dapat dicapai," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Kempen sokongan jualan itu bermula di beberapa kompleks beli-belah di sini hari ini dengan pengedaran risalah dan poster.

Selepas Negeri Sembilan, kempen itu yang akan berakhir pertengahan Ogos akan turut meliputi Selangor dan Kuala Lumpur.

Katanya, 60 pelumba dari dalam dan luar negara dijangka menyertai perlumbaan yang merangkumi empat kategori itu. Perlumbaan itu bermula pukul 12 tengah malam pada 30 Ogos sehingga pukul 12 tengah hari keesokannya (31 Ogos).

Perlumbaan itu terbuka kepada semua jenis kereta kecuali kenderaan "off road" (pacuan empat roda) dan ia merupakan satu-satunya acara perlumbaan seumpama itu selama 12 jam di Asia.

Azhar berkata pelumba luar negara yang telah mengesahkan penyertaan setakat ini ialah tiga pelumba dari Kelab Kereta Klasik Hong Kong.

Di samping perlumbaan itu, acara menarik yang turut diadakan termasuk perarakan kereta antik manakala beberapa acara di luar litar termasuk bola sepak jalanan, bola keranjang jalanan, mencari harta karun, tayangan gambar di skrin gergasi serta pelbagai jenis acara untuk kanak-kanak.

Perlumbaan kereta itu dijangka dilepaskan oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

-- BERNAMA

RP APG NMO